

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

**HMT 329 – Analisis Kontrastif Bahasa-bahasa di Malaysia**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

1. Kertas soalan ini mengandungi **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. **Bahagian A** mengandungi EMPAT soalan. Sila jawab SEMUA soalan tersebut.
3. **Bahagian B** mengandungi DUA soalan. Jawab SATU soalan sahaja daripada **Bahagian B**.

**Bahagian A**

Jawab SEMUA soalan.

1. Namakan lima rumpun bahasa di dunia. Berikan dua contoh bahasa bagi setiap kumpulan tersebut dan kedudukan geografi bahasa tersebut secara kasar.

[5 markah]

2. Jawab [a] DAN [b].  
Buat perbandingan antara klasifikasi genetik dan tipologi bahasa dari sudut:

[a] hubungan antara bahasa-bahasa

[5 markah]

[b] persamaan antara bahasa-bahasa.

[5 markah]

3. Pilih lima daripada [a]-[i] istilah di bawah. Berikan pentakrifan dan penerangan berserta contoh-contoh yang jelas istilah-istilah berikut:

[a] kesejagatan mutlak

[b] kecenderungan universal

[c] bahasa fusional

[d] kawasan linguistik (sprachbund)

[e] bertanda (marked) dan tak bertanda

[f] fokus akusatif

[g] kala mutlak

[h] hubungan ketatabahasa

[i] adposisi

[10 markah]

4. Dengan merujuk kepada **Data 1a** yang berikut, jawab soalan [a] –[d]:

**Data 1a**

Bahasa Orang Asli Jahai, Perak. (Burenhult:2002)

- [i] puŋhuluh ?o? lŋj  
penghulu 3S lari  
'Penghulu (cabut) lari.'
- [ii] ?o? kŋc ka-kaŋcŋ? ?awŋj  
3S potong SUBJ-cucu rotan  
'Cucu memotong rotan.'
- [iii] puŋhuluh ?o? bdil ŋaw  
penghulu 3S tembak babi  
'Penghulu menembak babi.'
- [iv] ?o? tampŋr jŋ?  
3S chakar 1S  
'la chakar saya.'
- [v] ?o? ?ŋk taŋi? ba=wŋŋ  
3S beri pisau kepada=budak  
'Dia memberi pisau (itu) kepada budak itu.'

- [a] Nyatakan urutan kata asas bahasa Jahai dan sertakan sebab-sebab pemilihan anda dengan contoh yang sesuai.  
[10 markah]
- [b] Nyatakan data mana yang tidak sesuai digunakan untuk menjawab soalan [a] dan berikan alasan anda.  
[10 markah]
- [c] Berikan langkah-langkah untuk menangani masalah yang timbul ketika menganalisis urutan kata asas sesuatu bahasa. Sertakan contoh yang sesuai.  
[10 markah]
- [d] Adakah bahasa Jahai sejenis bahasa yang berfokus kepada objek tidak langsung atau bahasa yang berfokus kepada objek langsung? Nyatakan sebab-sebab pilihan anda.  
[20 markah]

...4/-

## Bahagian B

Jawab SATU soalan. (Pilih soalan 5 atau 6.)

5. Gunakan **Data 1b** di bawah dalam menjawab soalan [a] DAN [b].

[a] Beri makna kepada setiap morfem.

[15 markah]

[b] Nyatakan jenis tipologi morfologi bagi setiap kumpulan bahasa dan nyatakan sebabnya. Jika bahasa tersebut tidak boleh diklasifikasikan nyatakan sebab-sebabnya.

[10 markah]

### Data 1b

#### Bahasa Hokkien (Tan: 2001)

E tua tee chiak	'Dia sedang makan'
E tua tee khooon	'Dia sedang tidur'
E lang tua tee chiak	'Mereka sedang makan'
Lanie tua tee khooon	'Lanie sedang tidur'

#### Bahasa Swahili (Katamba: 1993)

nilipata	'saya dapat'
walipata	'mereka dapat'
nilikipata	'saya dapatnya'
ulikipata	'awak dapatnya'
nitakipata	'saya akan mendapatnya'

#### Bahasa Belanda (Shetter:1988)

ik ga	'Saya pergi'
jij gaat	'Kamu pergi'
hij gaat	'Dia (lelaki) pergi'
wij gaan	'Kami pergi'
jullie gaan	'kamu semua pergi'

6. Dengan merujuk **Data 1c** di bawah, jawab soalan [a] – [e].

**Data 1c**

**Bahasa Aceh** (Durie: 1985)

ureueng        nyang saket    ka-trok  
Orang        yang sakit    INTR-tiba  
'Orang yang sakit itu tiba.'

**Bahasa Hebrew** (Tallerman:1998)

Ha-sarim        she-ha-nasi        shalax otam    la-mistram  
DET-menteri<sub>2</sub>    yang-DET-presiden    hantar mereka    ke-Mesir  
'Menteri-menteri itu yang presiden hantar ke Mesir'

**Bahasa Jepun** (Tallerman:1998)

Taroo ga        yonda hon  
Taroo SUBJ    baca    buku  
'Buku yang Taroo baca.'

**Bahasa Urhobo** (Tallerman:1998)

John            mle            aye            l-o            vbere  
                  nampak        perempuan    yang-dia        tidur  
'John nampak perempuan yang sedang tidur.'

- [a] Senaraikan kepala klausa relatif bagi setiap kumpulan bahasa.  
[5 markah]
- [b] Senaraikan kata relatif bagi setiap kumpulan bahasa.  
[5 markah]
- [c] Nyatakan aturan klausa relatif dalam data diatas.  
[5 markah]
- [d] Nyatakan pemerhatian anda mengenai jenis-jenis klausa relatif yang terdapat dalam pelbagai bahasa di atas dan hubung kaitkannya dengan tipologi bahasa.  
[5 markah]
- [e] Pada pandangan anda, struktur klausa relatif dalam bahasa Melayu termasuk dalam jenis yang mana? Kukuhan analisis anda dengan contoh-contoh daripada bahasa Melayu.  
[5 markah]